

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/06/29 - 81

TAMBAHAN MASA BAGI PENGEMUKAAN BORANG NYATA CUKAI SUSULAN PELANJUTAN FASA PERTAMA PELAN PEMULIHAN NEGARA

1. Susulan daripada pelanjutan fasa pertama Pelan Pemulihan Negara (PPN), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata Cukai untuk beberapa kategori pembayar cukai turut akan dilanjutkan.
2. Inisiatif ini diambil sebagai kelonggaran kepada pembayar cukai dan memberikan lebih masa kepada mereka dalam menyediakan dokumen dan maklumat percukaian yang perlu diisytiharkan kepada LHDNM.
3. Antara kategori pembayar cukai yang terlibat dan tempoh tambahan masa yang diberikan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Pembayar Cukai	Tahun Taksiran	Tambahan Masa bagi Pengemukaan Borang Nyata Cukai dan Bayaran Baki Cukai
1.	Individu, Perkongsian, Pertubuhan, Harta Pusaka dan Keluarga Sekutu Hindu (yang menjalankan perniagaan)	2020	Sehingga 31 Ogos 2021
2.	Syarikat, Koperasi, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Badan Amanah (Tempoh Perakaunan Berakhir 1 Oktober 2020 Hingga 31 Disember 2020)	2020	2 Bulan*

3.	Syarikat, Koperasi, Perkongsian Liabiliti Terhadap dan Badan Amanah (Tempoh Perakaunan Berakhir 1 Januari 2021 Hingga 31 Januari 2021)	2021	2 Bulan*
4.	Petroleum (Tempoh Perakaunan Berakhir 1 Oktober 2020 Hingga 31 Disember 2020)	2020	2 Bulan*
5.	Petroleum (Tempoh Perakaunan Berakhir 1 Januari 2021 Hingga 31 Januari 2021)	2021	2 Bulan*

Nota: * Dari tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata Cukai seperti yang termaktub dalam akta berkaitan.

4. Panduan yang lebih terperinci berkenaan dengan pengemukaan Borang Nyata Cukai tersebut berserta urusan percukaian dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 boleh dirujuk di portal rasmi LHDNM.

- i. Program Memfail Borang Nyata Bagi Tahun 2021:

- www.hasil.gov.my > Borang > Program Memfail Borang Nyata Bagi Tahun 2021; atau pautan pantas [ProgramMemfailBN_2021_Pin.3_1.pdf \(hasil.gov.my\)](http://www.hasil.gov.my/ProgramMemfailBN_2021_Pin.3_1.pdf)

- ii. Soalan Lazim Berkaitan Urusan Percukaian Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (Frequently Asked Questions - FAQ):

- Versi Bahasa Melayu:
http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_pkp3_1.pdf
- Versi Bahasa Inggeris:
http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_pkp3_2.pdf



5. Sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai perkara ini boleh diajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY/>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 29 Jun 2021

LHDN
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 3 daripada 3